

# PERGERAKAN PEMUDA MELAYU SIBU DAN PEMBUNUHAN GABENOR SARAWAK DUNCAN STEWART 1949

Oleh  
Abdullah Zakaria bin Ghazali  
Jabatan Sejarah  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur

## Pendahuluan

Penubuhan Pergerakan Pemuda Melayu Sibu (PPMS) pada tahun 1947 adalah lanjutan daripada perjuangan anti-penyerahan (*anti-cession*) yang dianjurkan oleh Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS) yang dipimpin Datu Patinggi Abang Abdillah. Sementara itu pembunuhan Gabenor Sarawak Duncan Stewart pada tahun 1949 oleh Rosli Dhoby, salah seorang anggota Rukun 13, cabang PPMS adalah kemuncak perjuangan anti-penyerahan. Oleh itu timbul permasalahan pernyataan, apakah perjuangan PPMS dan Rukun 13 ini menuntut kemerdekaan Sarawak, atau sebaliknya menyokong British? Setakat ini terdapat beberapa pandangan tentang tindakan PPMS melalui Rukun 13: nasionalis, penjenayah dan penyokong British. Oleh itu kertas ini akan menyelesaikan permasalahan pernyataan, sama ada nasionalis atau penjenayah atau penyokong British. Dengan itu sebelum menyelesaikan permasalahan pernyataan ini, beberapa aspek akan diberi perhatian dan perbincangan. Aspek yang akan dibincangkan: Perkembangan Ringkas Sehingga Penubuhan PPMS; Penubuhan PPMS dan Rukun 13; Pembunuhan Duncan Stewart; Tindak Balas Kerajaan Sarawak; Penilaian – Nasionalis, Penjenayah atau Penyokong British, dan akhirnya Kesimpulan.

## **Perkembangan Ringkas Sehingga Penubuhan PPMS**

Bangkit gerakan anti-penyerahan adalah tindak balas sekelompok Melayu Sarawak di bawah anjuran PKMS. Kumpulan ini menentang tindakan Raja Sarawak Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan baginda raja. Kumpulan ini dikenali sebagai anti-penyerahan. Sementara itu terdapat juga mereka yang menyokong penyerahan Sarawak oleh Vyner Brooke itu. Kumpulan ini pula dikenali sebagai penyokong penyerahan.

Oleh kerana soal penyerahan menjadi isu utama, sangat wajar dihuraikan perkembangan yang membawa kepada penyerahan Vyner Brooke ini. Ketika Jepun menduduki Sarawak, 1941 hingga 1945, kerajaan baginda raja melalui pejabat kolonial bertanggungjawab merancang bentuk pentadbiran Sarawak selepas perang nanti.

Ketika tentera Jepun mentadbir Sarawak, kerajaan baginda raja melalui Jawatankuasa Kabinet Perang beberapa kali bersidang membincangkan, antara lain dasar kerajaan baginda raja di Sarawak selepas perang. Jawatankuasa Kabinet Perang yang bersidang pada 18 Januari 1944, memperakukan Sarawak sebagai jajahan mahkota. Dengan itu dalam usaha menjadikan Sarawak sebagai jajahan mahkota British, jawatankuasa kabinet perang mencadangkan berunding dengan Raja Sarawak, Vyner Brooke untuk mendapatkan persetujuan menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British. Jawatankuasa Kabinet Perang berpendapat Raja England boleh melaksanakan peraturan berdasarkan Akta Juridiksi Asing (*Foreign Jurisdiction Act*) di Sarawak<sup>1</sup> melalui penyerahan kepada Raja England, seluruh juridiksi dalam negeri Sarawak.<sup>2</sup> Pada sidiang seterusnya, 19 Disember 1944, Jawatankuasa ini, antara lain membincangkan kaedah memindahkan Sarawak ke kerajaan baginda raja.<sup>3</sup> Dalam kalangan pegawai British dan anggota

Jawatankuasa menyedari status Sarawak sebagai negeri lindungan. Status lindungan ini bermula pada 1888, berkuat kuasa perjanjian yang ditandatangani pada 5 September 1888 antara kerajaan British dengan Raja Brooke. Artikel I, Perjanjian 1888 mencatatkan negeri Sarawak ditadbirkan Raja Brooke dan penggantinya sebagai sebuah negeri bebas di bawah perlindungan Great Britain. Dalam pada itu Raja Inggeris tidak ada hak terlibat dalam halehwal dalaman pentadbiran negeri Sarawak.<sup>4</sup> Peruntukan artikel ini menjelaskan Raja Brooke memiliki kedaulatan terhadap negeri Sarawak. Dengan itu untuk membolehkan Baginda Raja memerintah di bawah Akta Juridiksi Asing negeri Sarawak hendaklah diserahkan sepenuhnya kepada Baginda Raja.<sup>5</sup>

Pendudukan Jepun berakhir di Sarawak apabila Mejuri Jeneral H.Yamamura, dari Pasukan Utara Borneo menyerah kepada Brigadier T.C. Eastick, Komander Pasukan Kucing pada 11 September 1945, di atas kapal *HMS Kapunda* di kuala Sungai Tebas. Kemudiannya tentera Australia mendarat di Kuching pada 11 September 1945 membentuk kerajaan bagi pihak British, dikenali sebagai *British Borneo Civil Affairs Unit (BBCAU)* di bangunan Pejabat Pos.

Seterusnya usaha diambil bagi melaksanakan keputusan kerajaan baginda raja menjadikan Sarawak sebagai jajahan mahkota British. Rundingan dijalankan dengan Raja Vyner Brooke. Rundingan berakhir setelah Raja Vyner Brooke menandatangani perjanjian dengan George Hall, Setiausaha Tanah Jajahan British bersetuju menyerahkan Sarawak kepada British pada 24 Oktober 1945. Selain itu persetujuan juga dicapai dicapai, G.T.M. MacBryan akan dihantar ke Sarawak memujuk ahli Majlis Tertinggi menyokong persetujuan tersebut sebelum gagasan akhir dikemukakan kepada kerajaan British. MacBryan datang ke Kuching bertemu

orang ternama di Sarawak. Dalam pertemuan tersebut MacBryan menawarkan wang sebanyak \$12,000.00 kepada Datu Patinggi Abang Haji Abdillah; dan \$10,000.00 tiap-tiap seorang kepada Datu Hakim, Datu Menteri, Datu Pahlawan dan Datu Amar. Manakala mufti yang bertindak sebagai saksi di upacara menandatangani tersebut \$2,000.00. Sementara itu Datu Pahlawan Abang Haji Mustapha dan Ong Tiang Swee bersetuju menerima ganjaran sebanyak \$45,000.00 untuk masing-masing agihkan kepada masyarakat Melayu dan Cina yang menderita ketika pendudukan Jepun.<sup>6</sup>

Dalam usaha seterusnya MacBryan memanggil mesyuarat Majlis Tertinggi bersidang pada 5 Januari 1946. Di sini MacBryan mempamerkan surat kuasa daripada Raja Vyner Brooke yang menyatakan supaya Datu Patinggi Abang Haji Abdillah menerima beliau sebagai utusan dan wakil Raja Vyner Brooke, dan segala arahannya adalah perintah daripada Raja Vyner Brooke. Sementara itu MacBryan juga memujuk Abang Haji Mustapha mempengaruhi ahli Majlis Negeri menyokong penyerahan.<sup>7</sup> Penyerahan Sarawak kepada Tanah Jajahan Mahkota British dibincangkan dalam Majlis Negeri. Dalam perbahasan ini Abang Haji Mustapha menyatakan Sarawak bergembira, namun begitu pendidikan, perusahaan, dan pertanian adalah ketinggalan; dan dengan itu Sarawak memerlukan sokongan daripada sebuah negara besar. Abang Haji Mustapha menggesa kerajaan mengekal dasar yang lalu, dan hak bumiputera diberi pertimbangan yang wajar. Setelah berbincang majoriti ahli Majlis Negeri menyokong penyerahan. Abang Haji Mustapha adalah antara mereka yang menyokong penyerahan Sarawak kepada Tanah Jajahan Mahkota British.<sup>8</sup>

Mengenai wang sagu hati yang diberikan oleh Mac Bryan ini dicatatkan oleh mereka yang menerima wang tersebut membuat surat perngisytiharan bertarikh 10 April 1946 yang berbunyi:

Yang Maha Mulia sudah di-terima banyak terima kasih.

Ada-lah hamba menanda tangan surat pengakuan ialah hamba bersetuju dengan chadangan duli tuan Rajah menyerah negeri kapada baginda King supaya mendapat lebih kemajuan kabeban dan kesenangan kapada negeri dan rayat. Wang yang hamba terima itu ialah pertubuhan dari duli Tuan Rajah kapada hamba kerana sudah sengsara dipegang Jepun sebanyak-nya Datu Mentri 10,000, Datu Amar 10,000, Datu Hakim 10,000, Datu Pahlawan 10,000. Hamba semua sudah tidak ada kena tekan menyain surat pengakuan itu. Rayat Melayu dan China didalam negeri Sarawak ada juga menerima sama pertubuhan daripada duli Tuan Rajah. Sembah sujud daripada hamba Datu Mentri, Amar, Hakim, Pahlawan.<sup>9</sup>

Pada awal Februari 1946, Raja Vyner Brooke membuat pengisytiharan kepada penduduk Sarawak. Surat pengisytiharan ini bertarikh 6 Februari 1946. Dalam pengisytiharan ini Raja Vyner Brooke menyatakan rancangan penyerahan Sarawak yang beliau rancang diterima oleh baginda Raja England. Penyerahan ini pula adalah harapan raja pertama, James Brooke. Selain itu dinyatakan pandangan surat khabar bahawa kerajaan British akan melakukan perubahan yang tidak disenangi orang Sarawak adalah tidak benar. Kerajaan British menjamin memberi

kebebasan kepada penduduk Sarawak. Seterusnya dinyatakan penduduk Sarawak akan menjadi rakyat Raja England.<sup>10</sup>

Berita ini tidak menyenangkan Datu Patinggi Abang Haji Abdillah. Dalam pada itu beliau menerima surat yang ditandatangani oleh Presiden dan Empat Naib Presiden Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak meminta menyatakan kepada Raja Vyner Brooke menyelamatkan penduduk bumiputera Sarawak. Mereka juga menyatakan jika Raja Vyner Brooke berpendapat tidak dapat menguruskan pentadbiran Sarawak, tugas tersebut diserahkan kepada Tuan Muda Betram Brooke; dan jika Betram Brooke berhalangan, seterusnya diserahkan kepada Anthony Brooke, anak Betram Brooke (Tuan Muda).

Sementara kumpulan anti-penyerahan meneruskan penentangan mereka, kerajaan British, Raja Sarawak, Vyner Brooke dan penyokong penyerahan meneruskan usaha mereka merealisasikan penyerahan Sarawak sebagai jajahan mahkota British. Perkara penyerahan ini dibawa ke Majlis Negeri Sarawak. Pada 14 Mei 1946, Majlis Negeri bersidang dan dirasmikan oleh Raja Vyner Brooke. Seterusnya rancangan penyerahan Sarawak dibincangkan. Pada 15 Mei 1946, dalam persidangan Majlis Negeri seterusnya Raja Vyner Brooke memberi ucapan sebelum meninggalkan dewan. Isu penyerahan dibincangkan dengan hangat dalam sidang Majlis Negeri. Kemudiannya, Majlis Negeri bersidang lagi pada 16 Mei 1946. Dalam sidang 15 dan 16 Mei 1946, Majlis Negeri membincangkan Rang Undang-Undang Penyerahan. Pada 15 Mei 1946,<sup>11</sup> majoriti anggota majlis menyokong penyerahan. Begitu pada 16 Mei 1946, sekali lagi majoriti anggota Majlis menyokong, dan akhirnya Rang Undang-Undang Penyerahan diluluskan pada 16 Mei 1946.<sup>12</sup>

Walaupun Majlis Negeri meluluskan Undang-Undang Penyerahan (*Cession Bill*), golongan anti-penyerahan meneruskan penentangan mereka. Pada 1 Julai 1946, upacara penyerahan berlangsung di hadapan Mahkamah, Pangkalan Batu, Kuching. Peristiwa ini dikenali sebagai Hari Penyerahan atau *Cession Day*. Dalam upacara ini antara lain dihadiri Pesuruhjaya Tinggi MacDonald sebagai wakil kerajaan British, Ketua Setiausaha Negeri Sarawak, pemangku Gabenor Sarawak, C.W. Dawson.

### **Penubuhan PPMS dan Rukun 13**

Sementara golongan anti-penyerahan terus melancarkan bantahan terhadap penyerahan Sarawak, sekumpulan pemuda Melayu Sibu menujuhkan sebuah pertubuhan yang dikenali sebagai Pergerakan Pemuda Melayu. PPMS ini ditubuhkan di Sibu pada pertengahan tahun 1946. PPMS diketuai Sirat Haji Yaman, sebagai Presiden; Awang Rambli sebagai Setiausaha Umum; Muhammad Abet sebagai Bendahari, dan Abang Han sebagai Pustakawan. Ahli PPMS adalah pemuda Melayu dari lembah Sungai Rejang, Bahagian Ketiga Sarawak. Dianggar anggota PPMS berjumlah 30,000. Cawangan PPMS terdapat di Kanowit, Dalat, Maludam, Mukah dan Oya.<sup>13</sup>

Perjuangan PPMS lebih radikal berbanding PKMS. Antara matlamat PPMS adalah menentang British; juga mereka yang bersama dan menyokong British. Dalam pada itu PPMS juga mengambil perhatian terhadap kebajikan ahli, dan masyarakat setempat. Perjuangan PPMS bertambah radikal dengan penubuhan Rukun 13. 13 orang anggota PPMS mengadakan mesyuarat rahsia yang diketuai Awang Rambli dan Abang Han di rumah Dr. Majoribank, jalan Cross, Sibu pada pertengahan tahun 1948. Hasil mesyuarat inilah tertubuhnya Rukun 13, yang dianggotai oleh: Awang Rambli, Abang Han Abang Ahmad, Rosli Dhoby, Abang

Ahmad, Morni Junit, Awang Osman, Jack Yusof, Osman Dollah, Abang Mat Sirat, Che Alias Osman, Amin Jenal, Wan Zin, dan Tambek Adun.

Mesyuarat rahsia ini juga memutuskan akan mencedera atau membunuh pegawai British. Mereka juga memutuskan akan mengambil tindakan sama terhadap pegawai yang berkerjasama serta menyokong British.<sup>14</sup>

### **Pembunuhan Duncan Stewart**

Seperti dirancangkan, Rosli Dhoby yang mengambil amanah dan tugas menikam Duncan Stewart. Gabenor Duncan Stewart datang ke Sibu pada 3 Disember 1949. Ketika gabenor memeriksa perbarisan di Sibu, Rosli Dhoby menikam gabenor. Gabenor dibawa ke Hospital Sibu, dan kemudiannya diterbangkan ke Singapura untuk mendapat rawatan lanjut. Gabenor Sarawak Duncan Stewart meninggal dunia di Singapura 10 Disember 1949.

### **Tindak Balas Kerajaan Sarawak**

Pembunuhan Gabenor Duncan Stewart memberi tamparan hebat kepada kerajaan Sarawak dan baginda raja. Kerajaan Sarawak mengharamkan PPMS. Sementara itu majoriti berbagai kaum terkejut, terperanjat, dan ngeri. Juga dinyatakan ada antara mereka menyelar pembunuhan itu. Pembunuhan ini menjadi tajuk utama, antaranya dalam kalangan orang Cina. Orang Cina mengutuk pembunuhan tersebut. Melalui surat khabar Cina tempatan, 23 berbagai pertubuhan menyatakan pujian dan sanjungan kepada Gabenor Duncan Stewart. Walaupun begitu terdapat pertubuhan Cina, misalnya, Persatuan Hakka (Kheh), Persatuan Pekerja Kedai Kopi dan Persatuan Hap Jee (Hailam) tidak menyertai tandatangan penghormatan. Sementara itu Persatuan Pemuda Rakyat China Seberang Laut tidak diminta menyertai pujian dan sanjungan itu.

Gerakan menyiasat dan memburu mereka yang terlibat dilakukan di kediaman anti-penyerahan di Kuching pada 6 Disember 1949. Gerakan ini juga dilakukan di beberapa tempat lain pada 7 Disember 1949. Antara yang menarik dalam gerakan ini dijumpai surat Anthony Brooke yang dialamatkan kepada salah seorang pemimpin anti-penyerahan. Dalam surat tersebut, Anthony Brooke menggalakkan kegiatan anti-penyerahan.

Selain itu dilaporkan terdapat surat Johari bin Anang, Setiausaha PKMS kepada Rambli, setiausaha umum PPMS, menyatakan penyokong anti-penyerahan akan menggunakan Anthony Brooke apabila keadaan sesuai. Juga menyatakan, perjuangan sebebar adalah kemerdekaan penuh Sarawak. Dalam geledahan PPM Miri, dijumpai surat yang dilamatkan kepada Johari bin Anang, bertanyakan insiden pembunuhan gabenor dan meminta nasihat tindaan seterusnya. Dalam gerakan geledah di Kuching, gagal menjelaki persatuan yang terlibat secara langsung dalam pakatan membunuh Duncan Stewart. Namun begitu terdapat bukti mereka baru membakar dokumen berkaitan.

Sementara itu, pemangku halehwal pribumi melawat rumah, kebanyakan ketua kampoung, dan Melayu sekitar Kuching beberapa hari selepas pembunuhan bagi mendapatkan perasaan umum terhadap pembunuhan gabenor. Mereka yang masih mempamerkan poster anti-penyerahan menyatakan malu dan ngeri di atas pembunuhan gabenor. Dalam pada itu empat pertubuhan anti-penyerahan di Kuching mengirim surat takziah.<sup>15</sup>

Dalam pada itu penyokong anti-penyerahan menjalankan siri lawatan Kampung Dayak Darat sekitar Kuching memerangsangkan mereka mengibarkan bendera Sarawak dan mempamerkan poster anti-penyerahan. Sementara itu laporan diterima, mesyuarat rahsa anti-penyerahan mencari langkah melindungi

mereka yang terlibat dalam pakatan membunuh gabenor. Laporan juga menyatakan mereka sedang menguruskan hubungan dengan Indonesia untuk membantu merancakkan gerekam kemerdekaan.<sup>16</sup>

Seterusnya dalam laporan inteligen bulan Februari 1950, terdapat tiga aspek utama yang menjadi perbualan di Sarawak. Pertama, perbicaraan Sibu; Kedua, perlantikan gabenor baru, dan ketiga pengibaran bendera Sarawak. Masyarakat memandang negetif perbincaraan terhadap mereka yang terlibat dalam pembunuhan gabenor. Mengenai perlantikan gabenor baru pula, berita menyatakan kumpulan anti-penyerahan akan menganjurkan demonstrasi. Dalam pada itu terdapat juga pakatan untuk menghalang ketibaan gabenor baru dengan mempamerkan poster. Selain itu terdapat juga berita, seorang pemuda menyatakan kepada Johari bin Anang sanggup membunuh gabenor baru.

Masyarakat Melayu Sarawak yang bersemangat terus melahirkan rasa tidak puas hati terhadap langkah kerajaan melarang mengibarkan bendera Sarawak. Kumpulan ini menyatakan bendera Sarawak hampir 100 tahun dikibarkan di Sarawak. Sehubungan itu mereka terus mengibarkan bendera Sarawak, contohnya ketika mengadakan mesyuarat. Selain itu poster anti-penyerahan juga dipamerkan. Dalam pada itu ada laporan bahawa majority Melayu Kuching, Sibu dan Miri menerima bendera *Union Jack* dikibarkan bersama bendera Sarawak.<sup>17</sup>

Mereka yang terlibat dalam pakatan dan membunuh Gabenor Sarawak Duncan Stewart ditahan. Rosli Dhoby, Morsaidi bin Sedek, Awang Rambli, Abang Han, Bujang bin Suntong, Osman bin Dollah, Morni bin Onei, Ahmad bin Abu Bakar, Awang Othman, dan Wan Zaid bin Abdullah ditangkap. Mereka dibicarakan, mahkamah menjatuhkan hukuman gantung sampai mati kepada Rosli Dhobi, Morsaidi bin Sedek, Awang Rambli dan Bujang bin Suntong. Rosly Dhoby dan

Morsaidi digantung sampai mati pada 3 Mac 1950. Awang Rambli dan Bujang bin Suntong pula digantung pada 23 Mac 1950.<sup>18</sup> Manakala Abang Han dijatuhkan hukuman penjara selama 15 tahun; Osman bin Dollah, Morni bin Onei dan Osman Ahmad dihukum 10 tahun; Ahmad Abu Bakar, tujuh tahun, Othman bin Moh dan Wan Zaid bin Abdullah dihukum penjara 5 tahun. Keempat mayat yang digantung tersebut ditanam di kawasan penjara Kuching; tetapi kemudiannya dipindahkan di Sibu pada 2 Mac 1996.

Tindakan dan langkah kerajaan Sarawak mengawal keamanan Sarawak menunjukkan kesan positif. *Utusan Sarawak*, sebuah akhbar Melayu yang menyokong anti-penyerahan pada tahun 1950 mengambil pendekatan perlembagaan dalam mendekati kumpulan anti-penyerahan. Sementara itu diterbitkan akhbar, *Pedoman Ra'ayat* pada 24 Mac 1950 yang bermatlamat menyangkal sebarang laporan tidak tetap *Utusan Sarawak*.<sup>19</sup> Langkah keselamatan kerajaan Sarawak juga menyebabkan ketibaan gabenor baru, Anthony Foster Abell, C.M.G. di Pending dengan kapal *T.S.M.V. Rajah Brooke* pada 3 April, dan upacara perlantikan gabenor ada 4 April 1950 berjalan lancar tanpa bantahan. Dalam pada itu, beberapa hari sebelum ketibaan gabenor baru, tiga orang yang disyaki merancang menyerang gabenor sudah ditangkap. Begitu juga kegiatan anti-penyerahan di Miri berakhir, hanya beberapa orang yang ekstrim yang meneruskan kegiatan.

Sementara itu kumpulan anti-penyerahan dan penyokong penyerahan sudah mula berbaik dan berkerjasama. Dalam upacara kenduri kahwin yang berlangsung di Santubong pada 11 Jun 1950, kedua kumpulan anti da penyokong penyerahan hadir. Berikutnya pada keluaran 22 Jun 1950, pertama kali *Utusan Sarawak* tidak menyiar propaganda anti-penyerahan.<sup>20</sup>

## **Nasionalis, Penjenayah atau Penyokong British**

Bagi golongan dan penyojong anti-penyerahan perjuangan PPMS, khususnya Rukun 13 adalah memerdekakan Sarawak. Dengan itu anggota, khusus Rukun 13, terutamanya Rosli Dhobi adalah nasionalis.

Bagi kerajaan Sarawak, khususnya British, gerakan menentang British, dan kemudiannya pakatan serta terutamanya membunuh Gabenor Sarawak Duncann Stewart, mereka yang terlibat adalah penjenayah. Mereka didapati bersalah oleh mahkamah; dijatuhkan hukuman gantung dan penjara.

Seterusnya ada juga yang berpendapat, jika dilihat pada sisi poster, kumpulan yang menyokong anti-penyerahan seperti berpihak kepada British. Poster mereka, antara lain dicatatkan, "ANTHONY BROOKE IS OUR BELOVED RULER", "RIBU KALI MERDEKA! TETAP MERDEKA", "SARAWAK IS INDEPENDENT", "MERDEKA TRUS", "WE WANT ANTHONY BROOKE TO BE RAJAH OF SARAWAK", "NATIVE OF SARAWAK DO NOT WANT THEIR COUNTRY TO BECOME C. COLONY", dan "WHY BRITISH ACCEPT ILLEGAL CESSION".

## **Kesimpulan**

Penubuhan PPMS adalah lanjutan gerakan anti-penyerahan. Tindakan Rukun 13 melalui Rosli Dhoby menikam Duncan Stewart adalah langkah patriot. Oleh kerana terdapat catatan MERDEKA dalam surat menyurat PPMS, tidak dapat disangkal lagi bahawa gerakan PPMS adalah memerdekakan Sarawak. Oleh itu anggota PPMS dan Rukun 13 adalah pejuang dan nasionalis.

---

<sup>1</sup> CAB 98/41, C.M.B. (44) 6, 18<sup>th</sup> January 1944, War Cabinet Committee on Malaya and Borneo "Policy in Borneo", hlm. 29.

<sup>2</sup> CAB 98/41, C.M.B. (44) 6, 18<sup>th</sup> January 1944, War Cabinet Committee on Malaya and Borneo "Policy in Borneo", hlm. 28.

<sup>3</sup> CAB 98/41, Policy in Malaya & Borneo C.M.B. [44] & [45], C.M.B. (44) 1, War Cabinet Committee on Malaya and Borneo, "Minute of the second meeting of the Committee held in No. 11, Dawning Street, on Thursday 19<sup>th</sup> December 1945.

<sup>4</sup> "The States of Sarawak shall continue to be governed and administered by the said Raja Brooke and his successors as an independent state under the protection of Great Britain; but such protection shall confer no right on Her Majesty's Government to interfere with the internal administration of State further than is herein provided". (J de V. Allen, A.J. Stockwell & L.R. Wright, *A Collection of Treaties and other Documents Affecting the States of Malaysia 1761-1963*, London: Oceana Publications. Ins., 1981, hlm. 611. Bujang bin Mohammed Nor, *The Cession of Sarawak to Great Britain 1946*, Kuching: Rassnorm Sdn. Bhd., 1999, hlm. 72).

<sup>5</sup> CAB 98/41, Policy in Malaya & Borneo C.M.B. [44] & [45], hlm. 4-5

<sup>6</sup> Ibid., hlm. 34-35.

<sup>7</sup> Bob Reece, *Datu Bandar: Abang Hj. Mustapha of Sarawak*, hlm. 92.

<sup>8</sup> Ibid., hlm. 95.

<sup>9</sup> FCO 141/12320, Tuan Muda (Gifts to Datus).

<sup>10</sup> Salam b. Ahmad, *Datu Patinggi Abang Abdillah [Antik]: Ketua & Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, hlm. 40.

<sup>11</sup> Bob Reece, *Datu Bandar: Abang Hj. Mustapha of Sarawak*, hlm. 95-96.

<sup>12</sup> Dalam Ho Ah Chon (compiled), *Sarawak Historical Events 1946-1960*, Kuching: See Hua Daily News Bhd., 1992, hlm.7, mencatatkan 17 Mei.

<sup>13</sup> Sanib Said, *Politik Melayu di Sarawak 1946-1966: Bersatu ke Mercu Kuasa*, Kuching: InfoGrafik Press Sdn. Bhd., 2015, hlm. 84.

<sup>14</sup> Abdullah Zakaria bin Ghazali, *MALAYSIA 500 Khazanah Insan Aset Negara Jilid 5 Pahlawan Bangsa*, hlm. 157.

<sup>15</sup> FO 371/84503, Sarawak & Brunei Political Intelligence Report for December 1949, "Sarawak & Brunei Monthly Political Intelligence Report For Decemb er 1949 Serial No. 12/49".

<sup>16</sup> FO 371/84503, "Sarawak and Brunei Monthly Political Intelligence Report For January 1950. Serial No. 1/50".

<sup>17</sup> FO 371/84503, "Sarawak and Brunei Monthly Political Intelligence Report For February 1950. Serial No. 2/50".

<sup>18</sup> FO 371/84503, "Sarawak and Brunei Monthly Political Intelligence Report For March 1950. Serial No. 3/50". Tarikh hukuman gantung berdasarkan laporan ini.

<sup>19</sup> FO 371/84503, "Sarawak and Brunei Monthly Political Intelligence Report For March 1950. Serial No. 3/50".

<sup>20</sup> FO 371/84503, "Sarawak and Brunei Monthly Political Intelligence Report For June 1950. Serial No. 6/50".